

» **Perkembangan fesyen tudung dalam industri busana muslimah ada nilai positif, perlu disambut baik**

Oleh **Nor Hatina Shuib**
hatina@bh.com.my

Hijab sekadar fesyen atau mengikut syariat Islam? Hakikatnya, tidak salah mengikut fesyen asalkan syariat Islam tidak dilupakan.

Potongan tudung menutupi dada dan tidak keterlaluan sehingga menarik perhatian orang lain, sepatutnya dijadikan landasan dalam berfesyen.

Perkembangan fesyen tudung dalam industri busana muslimah perlu disambut baik oleh semua pihak kerana ia ada nilai positif dalam memupuk niat awal untuk bertudung.

Penerimaan masyarakat terhadap perkembangan industri fesyen muslimah di negara ini juga baik kerana ia membolehkan wanita memilih fesyen sesuai dan bergaya.

Jika satu ketika dulu, amat payah untuk muslimah mengikut perkembangan fesyen, kini tidak lagi selepas butik muslimah tumbuh umpama cendawan selepas hujan.

Niat kena betul

Mengakui situasi ini hangat melanda negara, Ketua Jabatan Pendidikan Perubatan Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM), Prof Madya Dr Harlina Halizah Siraj, berkata beliau melihat perkembangan fesyen tudung hari ini sebagai satu misi baharu dalam mengajak ramai orang bertudung.

Katanya, setiap orang ada tanggungjawab dalam membimbing muslimah untuk bertudung dan industri fesyen hijab salah satu usaha murni ke arah itu.

Hijab perlu ikut syariat

Namun, beliau berharap perkembangan industri muslimah ini selari dengan niat bertudung iaitu kerana Allah dan mengikut landasan Islam.

"Kini adalah zaman industri hijab berkembang pesat. Tidak salah wanita muslimah berfesyen terutama mereka yang berkemampuan. Ia secara tidak langsung memupuk kesedaran terhadap kepentingan berhijab untuk wanita.

"Lihat saja hari ini, pemimpin, golongan berkedudukan tinggi dan selebriti juga sudah mengenakan hijab dalam kerjaya mereka," katanya ketika ditemui pada Hijab Event 2015, di Kota Damansara, baru-baru ini.

Cuma bezanya, satu ketika dulu, mereka yang berhijab dan memakai busana muslimah lazimnya, menepah atau menajhit sendiri pakaian mengikut cita rasa mereka.

"Dulu, ramai yang buat sendiri pakaian mereka, berbanding hari ini kita banyak terdedah dengan fesyen yang dihasilkan individu lain. Jadi, timbul kesukaran mencari busana muslimah mengikut cita rasa kita," katanya.

Garis panduan berpakaian

Dr Harlina berkata, dalam Islam sudah ada garis panduan dan kod berpakaian yang perlu diikuti.

Oleh itu, secara jelasnya, tidak timbul kesukaran atau kefahaman jelas untuk muslimah memilih fesyen.

"Saya tidak merasakan perlu ada garis panduan selain yang disyaratkan dalam agama. Ini kerana bukan mudah untuk memberi peraturan kepada orang. Jika

kenakan peraturan, semua busana muslimah perlu labuh, tidak semua orang mahu mengikutnya. Lagipun, setiap cita rasa orang adalah berbeza," katanya.

Justeru, beliau amat berharap, muslimah menjadikan pakaian mengikut syarak sebagai 'pakaian seragam' harian mereka. Dari soal pemilihan tudung sehingga kepada pakaian, perlulah mengikut kesesuaian tubuh badan, tidak terlalu ketat dan mengikut figura tubuh.

"Kita umpama duta kepada agama dan masyarakat setiap kali berpakaian. Pendapat saya, sama ada penjual atau pembeli, kita ada tanggungjawab dalam menjual atau membeli pakaian yang bersesuaian dengan kod etika berpakaian yang disarankan agama," katanya.

Elak jadi simbol nafsu

Sementara itu, Pensyarah Universiti Islam Malaysia (UIA), Halima Boukerroucha, berkata segala rujukan sudah sempurna tercatat dalam Al Quran bagi memudahkan muslimah menjadikan ia rujukan.

"Kita berhijab supaya melindungi kita daripada menjadi mangsa dan simbol nafsu. Jadi, perlu menutup bahagian kepala dan dada menggunakan hijab," katanya.

Beliau berkata, apabila wanita bertudung ia pada masa sama, berupaya 'membunuh' perasaan terkenak kerana terlalu mahu cantik.

"Menerusi hijab, kita tidak keterlaluan menjadi hamba kepada sifat terlalu mahu tampil cantik. Kita sederhana dalam berhias. Apatah lagi muslimah adalah tulang belakang kepada masyarakat Islam," katanya.



“Kini adalah zaman industri hijab berkembang pesat. Tidak salah wanita muslimah berfesyen terutama mereka yang berkemampuan. Ia secara tidak langsung memupuk kesedaran terhadap kepentingan berhijab untuk wanita”

Dr Harlina Halizah Siraj,
Ketua Jabatan Pendidikan PPUKM



“Kita berhijab supaya melindungi kita daripada menjadi mangsa dan simbol nafsu. Jadi, perlu menutup bahagian kepala dan dada menggunakan hijab”

Halima Boukerroucha,
Pensyarah UIA



Terdapat pelbagai gaya tudung di pasaran pada masa kini.